

USIM tuan rumah Suknes@U 2015

SEREMBAN 9 Feb. - Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) menjadi tuan rumah Sukan Mahasiswa Negeri Sembilan (Suknes@U 2015) yang berlangsung selama tiga hari bermula semalam.

Pusat Komunikasi Strategik USIM dalam satu kenyataan yang dikeluarkan di sini hari ini memaklumkan, penganjuran sukan itu amat dinantikan oleh mahasiswa negeri ini kerana melibatkan peserta dalam kalangan anak Negeri Sembilan dari pelbagai institusi pengajian tinggi awam dan swasta.

“Kejohanan itu dianjurkan oleh Pertubuhan Mahasiswa Negeri Sembilan (Manis) dengan kerjasama Pusat Sukan USIM dan disokong Kerajaan Negeri Sembilan serta Yayasan Negeri Sembilan (YNS),” kata kenyataan itu.

Menurut kenyataan itu, kejohanan pada tahun ini adalah edisi kedua selepas kali pertama diadakan pada 2010 di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi.

“Penyertaan peserta anak Negeri Sembilan ke Suknes@U kali ini lebih meriah dengan masing-masing mewakili 22 institusi pen-

gajian tinggi,” kata kenyataan itu.

Antara institusi pengajian tinggi yang mengambil bahagian ialah UKM, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Sultan Zainal Abidin (Unisza), Universiti Tun Hussein Onn (UTHM), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Universiti Malaya, Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

“Acara yang dipertandingkan melibatkan futsal, bola jaring, bola tampar lelaki dan wanita, sepak takraw serta ping pong dan sukan rakyat seperti tarik tali, tarik upih, guli dan galah panjang. Kesemua acara berlangsung di Kompleks Sukan Tunku Najihah USIM.

“Lebih 1,200 peserta dan mahasiswa terlibat bagi menjayakan temasya itu yang dianjurkan atas tujuan utama untuk mengeratkan silaturahmi dan perpaduan dalam kalangan anak Negeri Sembilan,” ujar kenyataan itu.